

Cara terbaik membalas jasa Mahathir

um - 27/4/2004,
m/s: 2

Oleh **ZULKIFLI ABDULLAH**
dan **HERMAN HAMID**

KUALA LUMPUR 26 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak semua pemimpin dan ahli UMNO terus memperkukuhkan perjuangan parti sebagai membalas jasa Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Malah katanya, tanda penghargaan itu juga boleh dibuktikan dengan terus berjasa kepada bangsa Melayu dan parti.

“Tun (Dr. Mahathir) telah menyerahkan UMNO kepada kita dalam keadaan kukuh, baik, maju dan dihormati.

“Dengan itu, kita mesti berikrar mengu-

ruskan parti dengan lebih berjaya lagi sebagai penghargaan kita kepada beliau,” kata Pemangku Presiden UMNO itu lagi.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Jamuan Penghargaan dan Terima Kasih UMNO kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) di sini malam ini.

Majlis itu dihadiri oleh kira-kira 3,000 pemimpin UMNO dari seluruh negara termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Hadir sama ialah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan

kesenian Pergerakan Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri.

Persembahan dari ahli ketiga-tiga sayap UMNO itu bermesejkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri.

Abdullah seterusnya menegaskan, parti yang begitu kukuh sepeninggalan Dr. Mahathir perlu diuruskan dengan baik supaya mencapai kejayaan yang membanggakan.

“Kejayaan Tun Dr. Mahathir telah membawa banyak perubahan dan diharapkan ia dapat mengubah sikap dan minda kita.

“Saya anggap UMNO adalah satu perjuangan untuk menentukan kemajuan parti, kerajaan dan negara pada masa depan,” ujarnya.

Abdullah berkata, beliau juga melahirkan rasa syukur kerana UMNO berjaya dipimpin oleh kepimpinan yang mempunyai visi dan sentiasa bekerja kuat untuk kepentingan bangsa Melayu sejak dulu.

Dengan itu, katanya, tanggungjawab itu harus diwarisi oleh setiap pemimpin dan ahli UMNO bagi mencapai kejayaan yang lebih bermakna.

Malah kata Abdullah, pendekatan yang beliau gunakan untuk memimpin parti sebenarnya formula atau pendekatan yang diambil daripada Dr. Mahathir yang memimpin parti dan kerajaan selama 22 tahun.

Perdana Menteri seterusnya memuji kepimpinan bekas Presiden parti kerana kejayaannya mengubah sikap bangsa Melayu.

“Saya harap Tun jangan bersedih dengan kenyataannya sebelum ini yang menyebut beliau gagal mengubah sikap orang Melayu.

“Tun membawa banyak perubahan kepada bangsa Melayu dan Tun telah berjaya mengharumkan nama Malaysia,” jelasnya.

Abdullah turut menyentuh mengenai peralihan kuasa dalam parti dengan menyebut, beliau akan berundur diri untuk diisi oleh generasi muda bila tiba masanya nanti.

“Apabila tiba masanya kita pula akan mengundur diri untuk memberi jalan kepada generasi muda yang akan datang.

“Mereka pula mewarisi parti yang benar-benar maju dan berjaya serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa,” katanya.